

Dato' Ho Seng Chuan v Linksun Avenue sdn Bhd and Others [2006] MLJU 497

Malayan Law Journal Unreported

HIGH COURT (KUALA LUMPUR)

Azmel bin Hj Maamor, J

GUAMAN CIVIL NO S2-23-79-2000

6 January 2006

Case Summary

CIVIL PROCEDURE — Amendment — Judgment — Delay in application

Shahrizal Hisham (*Krish Maniam & Co*)

S. Ramesh, Carol Chong (R.R. Sethu)

ALASAN PENGHAKIMAN

Di dalam kes ini pada 21/9/2001 Abdul Hamid b. Said H telah membuat perintah (Kandungan 100) membenarkan permohonan Defendan 2 dan 3 untuk membatalkan writ saman Plaintiff dengan kos. Terhadap isu kos Abdul Hamid H memerintahkan supaya ianya dibayar oleh Peguam Plaintiff oleh kerana Plaintiff pada masa perintah dibuat berada di luar negeri.

Pada 3/3/2005 (Kandungan 106) Peguam Plaintiff membuat suatu permohonan untuk perintah-perintah seperti berikut :

- (a) Bahawa Plaintiff dibenarkan meminda Perintah yang diberi oleh Yang Arif Dato' Abdul Hamid b. Said pada 14/6/2001, di bawah Aturan 42 Kaedah 13 dan Aturan 92 Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.
- (b) Pindaan tersebut adalah berkenaan dengan perintah mengenai kos yang diperintahkan ditanggung oleh peguam cara Plaintiff, Tetuan Krish Maniam & Co., di man a bahagian perintah tersebut yang berkenaan dengan kos dipinda sebagai kos ditanggung oleh pihak Plaintiff sendiri.
- (c) Plaintiff dibenarkan lanjutan masa untuk memfailkan Saman Dalam Kamar ini di bawah Aturan 3 Kaedah 5, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.
- (d) Kos ditanggung oleh Plaintiff.
- (e) Lain-lain perintah yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah yang mulia ini.

Alasan utama yang diberi untuk permohonan ini ialah Plaintiff, Dato' Soh Chee Wen, yang berada di luar negeri ketika Perintah tersebut dikeluarkan telah pun kembali ke Malaysia.

Pihak Defendan membantah permohonan ini. Alasan yang diberi ialah permohonan ini dibuat terlalu lama. Dato' Soh Chee Wen sebenarnya telah berada di Malaysia dalam bulan April 2002, sedangkan permohonan ini difailkan pada 3/3/2005. Itu pun selepas Defendan 2 dan 3 memfailkan permohonan untuk taksiran Bill of Costs. Kelewatan itu telah memprejudiskan pihak Defendan 2 dan 3.

Prinsip mengenai permohonan untuk meminda perintah telah jelas dinyatakan di dalam kes *Mahkamah Persekutuan, Tuan Haji Ahmad Abdul Rahman v Arab Malaysia Finance Bhd.* [1996] 1 CLJ 241 di mana Edgar Joseph Jr. HMP berkata :

The general rule is that when it is clearly demonstrated to the satisfaction of the court that a judgment has not been regularly obtained, the Defendant is entitled to have it set aside ex-debito justitiae, that is to say, irrespective of merits and without terms. Having said that it should be added that the application to set aside such a judgment should be made:

- (a) with reasonable promptitude; in other words within a reasonable time, and
- (b) before the Defendant has taken any fresh step after becoming aware of the irregularity.

Di dalam tindakan ini Plaintiff, Dato' Soh Chee Wen telah kembali ke Malaysia pada bulan April 2002. Peguam Plaintiff tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memohon pindaan kepada perintah yang dikeluarkan oleh Abdul Hamid H bertarikh 21/9/2001 sungguhpun di dalam permohonan Peguam Plaintiff tarikh perintah ditulis sebagai 14/6/2001. Tidak ada apa-apa alasan yang munasabah yang diberi oleh Peguam Plaintiff mengapa beliau mengambil masa begitu lama untuk memulakan tindakan bagi memohon pindaan kepada perintah tersebut. Tanpa apa-apa penjelasan yang munasabah adalah tidak wajar bagi Mahkamah membenarkan permohonan pemohon yang disifatkan cuai dan lalai. Tambahan pula tindakan Peguam Plaintiff ini hanya dilakukan setelah Peguam Defendan 2 dan 3 memulakan tindakan untuk pentaksiran kos yang perlu ditanggung oleh Peguam Plaintiff sendiri. Perbuatan Peguam Plaintiff jelas menunjukkan bahawa beliau bertindak apabila terdesak sahaja. Tabiat seperti tidak wajar diberi apa-apa simpati.

Berpandukan kepada prinsip yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan seperti yang tersebut di atas permohonan Peguam Plaintiff tidak memenuhi syarat-syarat yang perlu dilakukannya untuk permohonan seperti ini. Oleh itu saya memutuskan supaya permohonan Peguam Plaintiff itu ditolak dengan kos.